

15 AUG 1996
Mahathir - Gaji
KERAJAAN SEDIA KAJI SKIM PERKHIDMATAN POLIS

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Kerajaan sedia mengkaji semula skim perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk mengubah syarat pelantikan anggota-anggota baru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kajian itu akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh PDRM untuk meningkatkan taraf pasukan polis supaya sesuai dengan peredaran zaman.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman di sini hari ini, beliau berkata cadangan skim baru itu turut melibatkan syarat kemasukan rekrut untuk pangkat konstabel dan inspektor.

PDRM mencadangkan supaya kelayakan pengambilan rekrut dinaikkan daripada Sijil Rendah Pelajaran (SRP) kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kalau naik syarat kelulusan, maka kita juga perlu bagi tambahan gaji," kata Dr Mahathir.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata PDRM meminta semakan semula dijalankan kerana kali terakhir skim perkhidmatan polis dikaji ialah pada pertengahan 1970-an.

"Skim kita sekarang sudah ketinggalan zaman," kata beliau.

PDRM kini dalam proses menyediakan kertas cadangan perubahan skim perkhidmatan itu untuk dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Antara perubahan yang dicadangkan ialah syarat-syarat akademik untuk lantikan, tempoh lantikan dan perkhidmatan, susunan pangkat dan prospek kenaikan pangkat.

Cadangan itu yang dijangka mempunyai persamaan dengan skim disatukan yang dilaksanakan mengikut Sistem Saraan Baru (SSB), akan melibatkan keseluruhan anggota PDRM yang berpakaian seragam.

"Usaha pemodenan PDRM termasuk daripada segi logistik, tenaga manusia dan aspek-aspek pengurusan tidak akan lengkap jika skim perkhidmatan tidak diperbaharui," kata Abdul Rahim.

Terdahulu Perdana Menteri dalam ucapannya meminta anggota polis menjauhi amalan rasuah dengan berusaha mengekalkan nilai-nilai mulia yang diamalkan selama ini supaya Malaysia boleh menjadi negara yang maju.

Dr Mahathir yang tidak menafikan rasuah berlaku di negara ini berkata, amalan rasuah secara tidak langsung boleh menjejaskan kemajuan sesebuah negara serta membebankan rakyatnya.

"Walaupun tidak dinafikan rasuah memang berlaku di negara ini, ia tidak meluas dan menjejaskan perjalanan pentadbiran negara," katanya.

Beliau yakin semua anggota polis akan berpegang teguh kepada prinsip dan nilai yang mulia itu bagi menjamin negara mempunyai sebuah pasukan polis yang berdisiplin dan jauh daripada sebarang kegiatan yang tidak diingini.

"Insyallah selagi kita mempunyai pasukan-pasukan yang tahu tertib dan menolak segala kegiatan yang tidak sihat, negara kita akan terus maju," katanya.

Dr Mahathir berkata pencapaian pasukan polis yang merupakan satu pasukan tertua di negara ini perlu dipertingkatkan kerana polis merupakan pagar keselamatan bagi negara dan rakyat.

"Semakin lama peranan dan pencapaian polis semakin meningkat, tetapi kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian kita. Seharusnya kita tingkatkan lagi keupayaan itu," katanya.

Beliau berkata sebahagian besar keamanan dan kemajuan yang dicapai oleh

negara disebabkan adanya pasukan polis yang cekap dan tertib serta menjalankan tugas seperti yang dikehendaki.

"Jika kita tak mempunyai pasukan polis yang bertanggung jawab maka mustahil negara kita akan menjadi aman...jika tidak aman, negara kita tidak akan maju," katanya. -- BERNAMA

SN MAI